

Headline	Sokong kempen makan buah tempatan di sekolah		
MediaTitle	Berita Harian (Sabah and Sarawak)		
Date	10 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	246
Page No	1	Readership	738
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,679
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,037



Sokong kempen makan buah tempatan di sekolah

Kota Kinabalu: Kerajaan menggalakkan kempen makan buah-buahan tempatan diteruskan di peringkat sekolah bagi memberi pendedahan mengenai buah tempatan kepada pelajar di negeri ini.

Pembantu Menteri Perdagangan dan Perindustrian negeri, Azhar Matussin, berkata penganjuran kempen makan buah-buahan tempatan bukan saja mempromosikan buah itu kepada anak muda, tetapi juga mampu membantu meningkatkan ekonomi petani di negeri ini.

“Kita amat menggalakkan program seperti ini kerana ia memberi manfaat kepada semua warga sekolah khususnya pelajar supaya lebih mengetahui kelebihan buah tempatan seterusnya mengamalkan pemakanan sihat.



Azhar Matussin

“Selain itu, dengan mempromosikan buah-buahan tempatan ini usaha itu akan membantu meningkatkan ekonomi petani kita yang terbabit dalam sektor ini.

“Justeru saya amat menyokong usaha yang dibuat Sekolah Menengah (SM) Maktab Sabah yang turut mengambil bahagian men-

jayakan kempen ini dan berharap ia akan diteruskan,” katanya pada Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan sempena Hari Kantin Maktab Sabah, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Sabah, Ribin Wahid dan Pengetua Cemerlang JUSA C SM Maktab Sabah, Datin Nuinda Alias.

Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan Tempatan itu dianjurkan bersama Maktab Sabah, FAMA dan Jabatan Kesihatan negeri dengan antara objektifnya untuk menggalakkan pemakanan buah tempatan kerana ia mempunyai kelebihan serta keistimewaan sendiri.

Sementara itu, Ribin berkata, program berkenaan adalah kali keempat diadakan oleh FAMA

membabitkan penganjuran di sekolah.

“Sebelum ini kempen makan buah tempatan sudah diadakan di beberapa daerah lain termasuk di Tawau.

“Program ini kita akan teruskan bagi mendidik anak daripada usia muda untuk mengenali buah tempatan,” katanya.

Dalam pada itu, Nuinda berkata, pihaknya memang menggalakkan pelajarannya untuk makan buah-buahan tempatan kerana ia juga mempunyai khasiat tersendiri.

“Sebab itu dalam kempen kali ini, kami bukan saja bekerjasama dengan FAMA, tetapi kami juga membawa sekali Jabatan Kesihatan negeri,” katanya sambil menambah semua warga sekolah berkenaan terbabit dalam kempen sehari itu.